

'UiTM bukan kelas kedua'

TPM mahu Universiti jayakan Misi Nasional lahir Bumiputera profesional

Oleh Hassan Omar

SUBANG: Datuk Seri Najib Razak menggesa Universiti Teknologi Mara (UiTM) memperkasa usaha menjayakan Misi Nasional meningkatkan modal insan, terutama dalam bidang profesional seperti kejuruteraan, pengurusan perniagaan, sains dan teknologi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, usaha itu perlu diperkukuh bagi mengikis tanggapan sesetengah pihak, kononnya UiTM hanya melahirkan graduan kelas kedua berbanding Universiti lain berdasarkan tanggapan negatif UiTM adalah singkatan "Universiti Ini Tolong Melayu" dan "Universiti ini Tempat Melayu."

Beliau berkata, usaha kerajaan membina masyarakat mempunyai suara dan kuasa menentukan masa depan sendiri tidak akan berjaya jika masyarakat tidak mampu mengubah

sikap dan persepsi untuk menempuh era baru pembangunan.

"Sikap kita sebenarnya banyak yang perlu diubah. Perdana Menteri menyebut, prasarana kita kelas pertama tetapi mentaliti kelas ketiga.

"Graduan profesional UiTM tidak boleh membiarkan sikap dan persepsi masyarakat pada takuk lama. Kita tidak ada alasan untuk tidak mampu bersaing di medan terbuka. Agenda untuk mengubah rakyat ma-

sih banyak perlu dilakukan," katanya.

Najib berkata demikian ketika berucap pada perasmian Alumni Kejuruteraan UiTM di sebuah hotel, di sini malam tadi. Hadir sama, Timbalan Menteri Kerjaraya yang juga penaung alumni berkenaan, Datuk Mohd Zin Mohamed dan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah.

Dengan mengambil aspek pembangunan modal insan yang ditekankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Najib berkata, ia bakal meletakkan negara di landasan kukuh untuk pertumbuhan ekonomi dan berdaya saing.

"Kerajaan sedang menyediakan pelbagai strategi untuk memacu bina upaya bangsa dan negara supaya lebih hebat. Pada masa sama, bangsa Melayu wajar berdikari dan wujud penambahbaikan bagi menghadapi

gelombang ekonomi baru semakin mencabar," katanya.

Sehubungan itu, katanya, penubuhan alumni berkenaan diyakini berfungsi, sebagai perintis mencapai matlamat Pembangunan negara asalkan mereka memiliki semangatjuang demi bangsa dan negara.

Najib yang menyorot sejarah penubuhan UiTM 50 tahun lalu berkata, Universiti itu sekarang membuktikan kemampuannya melahirkan ramai pemimpin pada peringkat pentadbiran negara, sektor korporat dan sosial, sekali gus mengimbangi kedudukan sosio-ekonomi antara kaum.

Najib berkata, melalui RMK-9, UiTM menerima peruntukan terbesar berbanding institusi Pengajian tinggi awam (IPTA) lain berikutan usaha kerajaan meningkatkan bilangan pelajar kepada 200,000 orang setahun berbanding 100,000 orang setahun sebelum ini.

UiTM asalnya adalah Dewan Latihan Lembaga Pembangunan Luar Bandar (Rida) yang ditubuhkan pada 1956 untuk melatih pelajar Bumiputera dalam bidang kemahiran dan profesional dan kemudiannya ditukar kepada Maktab Mara pada 1965, katanya.

Najib berkata, nama maktab berkenaan sekali ditukar kepada Institut Teknologi Mara (ITM) sebelum ditukar kepada UiTM oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1999, sekali gus memberi kesan besar kepada kualiti pendidikan di kalangan mahasiswa Bumiputera.

Dalam tempoh 50 tahun penubuhannya, katanya, seramai 269,141 graduan dilahirkan dalam 264 bidang profesional dan separuh profesional, selain tokoh pemimpin seperti Mohd Zin; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said dan Ketua Men-

FAKTA NOMBOR

50

Tahun penubuhan UiTM

269,141

Jumlah graduan